



PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA

**KOLOKIUM SENI SILAT CEKAK MALAYSIA 2016
(KoSSCeM'16)**
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
-1 MEI 2016-



Kajian Parang Lading: Dokumentasi Penemuan Parang Lading Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Hamid Shah

Sazali S.^a, Mohd Irhan I.^b, Mohamad Taufiq A.A.^{c*} dan Muhammad Awis Adha J^d

^a6 Dataran 1, Taman Kempas, 81200 Johor Bahru

^bNo 68, Lorong TJ1/2, Taman Jengka Indah, 26400 Bandar Jengka, Pahang.

^cLot PTD 7666, No 1, Jln. Masjid Pekan Nanas, 81500 Pontian, Johor

^dNo 7, Jln. Permata 11, Taman Permata, 86000 Kluang, Johor

*Alamat Emel: m.taufiq.aziz@gmail.com

Abstrak

Parang lading adalah satu-satunya senjata rasmi Silat Cekak yang hanya digunakan untuk mempertahankan diri. Ia juga merupakan anugerah tertinggi yang dikurniakan oleh Guru Utama Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) kepada ahli-ahlinya mengikut syarat-syarat tertentu. Selain sebagai senjata rasmi, ia juga membawa maksud tanggungjawab dan kepimpinan. Senjata ini juga hanya dibuat khas mengikut ukuran pemakainya sahaja dan tidak boleh diwarisi. Parang lading dikesan dalam penceritaan sejarah pernah digunakan oleh Panglima Kanan kesultanan Kedah di zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845). Oleh itu, kertas kerja ini dilakukan bagi merekod dan mendokumentasi penemuan parang lading warisan yang masih lagi ada disimpan hingga ke hari ini. Kajian ini dijalankan melalui pencarian individu atau keluarga penyimpan parang lading warisan dan melakukan temu bual, rujukan salasilah keluarga rujukan silang dengan dokumen serta teks sejarah.

Kata kunci: parang lading, Sultan Abdul Hamid Shah, Panglima Tok Rashid, Tok Salleh,


1. Pengenalan

Parang lading sangat terkenal di daerah-daerah utara Tanah Melayu, terutama di Kedah. Almarhum Ustaz Haji Hanafi bin Haji Ahmad telah menetapkan parang lading sebagai senjata rasmi PSSCM [1].

Terdapat perbezaan antara parang lading yang digunakan sehari-harian dengan parang lading senjata rasmi PSSCM. Parang lading ini mempunyai ukuran khas yang dinisbahkan kepada ukuran anggota badan tuan pemakainya. Ini akan diterangkan dalam tajuk berikutnya. Oleh itu, senjata ini tidak boleh diwarisi oleh keturunan pemakainya [2].

Ciri-ciri unik ini menjadikan parang lading ini sebagai senjata yang eksklusif dan sukar ditemui sama ada dalam catatan sejarah dan juga penceritaan lisan. Walaubagaimana pun, kewujudannya tidak dapat dinafikan kerana dimasa kini masih terdapat parang lading warisan dalam simpanan waris keluarga tertentu. Oleh itu, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mendokumentasikan parang lading warisan yang ditemui supaya dapat dirujuk untuk masa-masa akan datang.

Pembuatan parang lading menggunakan ukuran yang dinisbahkan kepada pemakainya. Jadual 1 berikut menerangkan bahagian utama dalam ukuran parang lading dengan merujuk kepada gambar rajah 1 [2].



Rajah 1. Ukuran parang lading.

Jadual 1. Keterangan ukuran parang lading

Bahagian	Keterangan
A	Jarak panjang dari pangkal hingga ke hujung adalah ukuran yang didasarkan dari lubang telinga kiri ke mata kanan, atau dari lubang telinga kanan ke mata kiri.
B	Mata yang tajam sekadar jarak dua mata si pemakai
C	Tebal hujung sebelah belakang adalah selebar perdu kuku jari kelingking
D	Tebal pangkal sebelah atas adalah selebar perdu kuku ibu jari
E	Hulu parang sebagai tapak kijang.

2. Kaedah Kajian

Kajian ini menjurus kepada pencarian parang lading warisan yang masih ada disimpan oleh mana-mana keluarga atau individu bagi tujuan dokumentasi sejarah senjata itu sendiri dan mengkaji beberapa persoalan yang timbul dari sekitar penemuan parang warisan tersebut.

Kajian ini menggunakan temu bual sebagai kaedah paling utama untuk mengumpul maklumat. Selain itu, kaedah sejarah juga digunakan. Penerokaan catatan sejarah silam terutamanya sejarah Kerajaan Negeri Kedah dan yang berkaitan untuk memahami latar masa dan masyarakat bagi membuat rujukan silang dengan maklumat lain yang diperolehi. Parang lading warisan atau lain-lain yang berkaitan akan menjadi sumber maklumat primier. Pengkaji akan cuba sedaya upaya mendapatkan dari individu yang menyimpang parang lading warisan ini.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

3.1 Penemuan parang lading warisan dalam simpanan Encik Shaari

Prof. Madya Ar. Dr. Abdul Majid Bin Ismail (Naib Presiden II PSSCM merangkap Yang Dipertua PSSCM Pulau Pinang) dan Encik Zafri Bin Mohd Miar (Naib Yang Pertua Pesaka Pulau Pinang merangkap Naib Yang Dipertua PSSCM Pulau Pinang) telah beberapa kali dijemput oleh seseorang yang memiliki parang lading warisan, iaitu Encik Muhammad Shaari Bin Ariffin untuk hadir ke rumah beliau untuk melihat parang lading peninggalan arwah datuknya, namun begitu akibat kekangan tugas, Prof. Madya Ar. Dr. Abdul Majid Bin Ismail tidak dapat memenuhi undangan tersebut. Namun begitu pada 6 Ogos 2014 hari Sabtu, di Pantai Balok, Kuantan, Pahang, Prof. Madya Ar. Dr. Abdul Majid Bin Ismail telah meminta Encik Zafri Bin Mohd Miar dan Encik Sazali Bin Samsudin untuk menemubual Encik Shaari di kediaman beliau bertempat di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Parang lading dalam simpanan Encik Muhammad Shaari Bin Haji Ariffin adalah dimaklumkan milik bapanya iaitu Allahyarham Ariffin Bin Salleh, yang diwarisi daripada datuknya iaitu Tok Salleh. Beliau turut menceritakan kenangan beliau melihat amalan Allahyarham Ariffin Bin Salleh dengan menggunakan parang lading. Dengan menggunakan beberapa zikir dan ayat Qur'an, sambil menghayun parang lading dari kiri ke kanan dan dari kanan ke kiri (gerakan bersilang bentuk 'x'). Pada jarak 10 depa di hadapannya pula diletakkan sebiji kelapa muda di atas mulut tempayan. Selepas beberapa ketika, beliau menyuruh Encik Muhammad Shaari supaya pergi mendapatkan kelapa muda tersebut. Bila Encik Muhammad Shaari mengangkat kelapa muda tersebut, tempayan/guri tersebut terbelah ikut bentuk 'X' [3].

Berkaitan dengan susur galur keturunan Encik Muhammad Shaari pula, datuk beliau iaitu Allahyarham Tok Salleh merupakan penjaga istana diraja Kedah di zaman Sultan Abdul Hamid Shah (1881-1943). Melalui penceritaan Encik Muhammad Shaari, pernah berlaku suatu ketika Tok Salleh hendak menyeberangi sungai untuk ke istana, bot yang digunakan untuk menyeberang telah karam. Tok Salleh tidak berenang untuk menyeberangi sungai tersebut, akan tetapi dikhabarkan beliau berjalan di bawah air untuk menyeberangi sungai itu [3].

3.1.1 Biodata Encik Muhammad Shaari Bin Ariffin



NAMA	: Muhamad Shaari Bin Ariffin Bin Salleh
PERSATUAN	: Persatuan Seni Silat Melayu Asli Pulau Pinang (Yang DiPertua dan Guru Utama)
UMUR	: 67 Tahun (Lahir pada 1947)
ALAMAT	: NO. 5787, Permatang Sireh, 13200, Kepala Batas Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
KELUARGA	: Anak tunggal

3.1.2 Biodata Haji Ariffin Bin Salleh

NAMA	: Haji Ariffin Bin Salleh
UMUR	: 121 Tahun (Meninggal pada tahun 1980an)
KEISTIMEWAAN	: Diceritakan oleh Cikgu Shaari; <p style="padding-left: 20px;"><i>"Pada umur 80 tahun dengan menggunakan parang lading dan beberapa zikir serta ayat Al-Quran sambal menghayun padang lading dari kiri ke kanan dan dari kanan ke kiri (gerakan silang bentuk 'X'). 10 depa di hadapan diletakkan sebijik kelapa di atas mulut tempayan di bawah pokok nangka yang baru ditebang. Selepas beberapa ketika, beliau menyuruh Encik Shaari supaya pergi mendapatkan kelapa muda tersebut. Apabila Encik Shaari mengangkat kelapa tersebut, tempayan terbelah berbentuk 'X'..."</i></p>

3.1.3 Biodata Tok Salleh (Pemilik asal parang lading)



Rajah 2. Parang lading milik Tok Salleh

NAMA	: Tok Salleh (Pemilik parang lading)
UMUR	: Tidak dikenal pasti
KERJAYA	: Pengawal Istana Sultan Kedah Zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Tahun 1881 – 1943)
ASAL	: Batu 22, Jalan Lian Kecil, Batang Binjai, Kedah
KEISTIMEWAAN	: Diceritakan oleh Encik Shaari; <p style="padding-left: 20px;"><i>"Perahu karam, dia nak menyeberang sungai nak balik pegi seberang bumbong dekat istana tuu, nak naik tuu perahu karam, dia bukan berenang, orang dok carik dia, tak jumpa, dia turun berjalan rileks jaa di bawah ayaq.. Dia boleh berjalan bawah ayaq..."</i></p>

3.2 Reka bentuk parang lading warisan dalam simpanan Encik Shaari

Terdapat beberapa perincian yang dikenal pasti dalam penemuan ini seperti dalam gambar rajah 3, 4 dan 5. Perincian ini telah diambil dan dicatat dalam jadual 2.



Rajah 3. Perincian parang lading warisan dalam simpanan Encik Shaari



Rajah 4. Perincian ketebalan



Rajah 5. Reka bentuk hulu

Jadual 2. Perincian parang lading Encik Shaari


Bahagian	Anggaran ukuran
A	Jarak panjang dari pangkal hingga ke hujung adalah 43 cm
B	Panjang bahagian mata yang tajam adalah 16 cm
C	Tebal hujung sebelah belakang adalah 0.3 cm
D	Tebal pangkal sebelah atas adalah 1.5 cm
E	Hulu parang menggunakan reka bentuk tapak kijang. Diperbuat dari tanduk kerbau. Mempunyai bonjolan ‘gelang’. Terdapat ukiran pada bahagian hujung hulu.

3.3 Perbincangan rujukan silang

Pemilik parang lading tersebut iaitu Tok Salleh telah bertugas sebagai pengawal istana sultan Kedah pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Ini bermakna beliau bertugas sekitar tahun 1881 – 1943 kerana Baginda Sultan memerintah pada tahun tersebut [4].

Telah diketahui Yahya Said bertemu dengan Almarhum Ustaz Haji Hanafi bin Haji Ahmad pada bulan Disember 1965. Ketika itu Yahya Said yang umurnya telah menjangkau 64 tahun telah memegang amanah ilmu Silat Cekak dari Panglima Tok Rashid selama 40 tahun. Yahya Said mengatakan Panglima Tok Rashid berasal dari Sungai Daun, Kedah, bersama-sama isterinya telah meninggalkan kampung halamannya kerana diserang wabak taun menuju ke Kerian lebih 60 tahun lalu [5]. Ini bermakna Panglima Tok Rashid datang ke Kerian sekitar tahun 1905 hingga 1906 dan Yahya Said bertemu dengan Panglima Tok Rashid pada tahun 1925.

Yang Mulia Datuk Haji Maideen Bin Kadir Shah, Guru Utama dan Presiden PSSCM berpendapat kemungkinan pemilik parang lading ini hidup satu zaman dengan Panglima Tok Rashid [6]. Gambar rajah 6 menunjukkan persilangan masa antara Tok Salleh dengan Panglima Tok Rashid.



Rajah 6. Silang masa antara Tok Salleh dan Panglima Tok Rashid

4. Permasalan dan Cadangan Kajian Masa Hadapan

Bagi mengesahkan asal-usul penemuan parang lading warisan ini, pengkaji mencadangkan untuk mendapatkan usia sebenar pada hulu dan mata parang lading warisan yang ditemui tetapi pengkaji menghadapi masalah untuk mendapatkan kebenaran dari penyimpan parang lading warisan tersebut. Sekiranya dapat meyakinkan penyimpannya tentang kepentingan mendapatkan maklumat ini dimasa hadapan, rujukan silang mungkin dapat dilakukan dengan lebih baik.

Pemilik asal parang lading tersebut iaitu Tok Salleh telah menimbulkan beberapa persoalan tentang latar belakang beliau dan apakah nama beliau ada dalam mana-mana manuskrip atau penceritaan sejarah. Kajian perlu menumpukan pula kepada sekitar lokasi asal Tok Salleh iaitu di Batu 22, Jalan Lian Kecil, Batang Binjai, Kedah.

Untuk mengembangkan lagi skop kajian, catatan terperinci susur galur dan latar belakang persilatan Encik Shaari perlu digali lagi bagi menghubungkan penggunaan parang lading dengan sesuatu ilmu persilatan secara umum atau khususnya ilmu Seni Silat Cekak itu sendiri. Semakan keatas manuskrip-manuskrip sejarah dari Arkib Negara dan Muzium juga diperlukan.

Kajian yang mendalam tentang parang lading juga perlu dilakukan dengan menemuramah ahli-ahli lama PSSCM yang memiliki parang lading. Ini supaya keistimewaan parang lading itu dapat dizahirkan dengan lebih jelas dan difahami.

Kajian ini perlu diteruskan memandangkan masih banyak lagi individu atau keluarga yang menyimpan parang lading warisan yang eksklusif ini. Pengkaji sukar untuk mendapatkan temu janji untuk bertemu dengan keluarga-keluarga tersebut kerana belum mendapat keizinan dari mereka. Ia sangat penting untuk dikaji dan direkodkan dalam bentuk dokumen kerana parang lading merupakan salah satu senjata Melayu yang unik dan ekslusif ini.

5. Kesimpulan

Dapatan dari kajian parang lading ini warisan dalam simpanan Encik Muhammad Shaari telah membuka satu perspektif yang luas dalam kajian berkaitan parang lading dan juga sejarah Silat Cekak. Kewujudan parang lading sebelum kemunculan PSSCM perlu terus didokumenkan sekiranya ditemui supaya dapat dijadikan rujukan dimasa akan datang.

6. Penghargaan

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Presiden dan Guru Utama PSSCM YM Datuk Haji Maiden bin Kadir Shah, Naib Presiden II Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Prof. Madya Ar. Dr. Haji Abdul Majid Bin Ismail dan Naib Yang Di Pertua Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Cawangan Pulau Pinang merangkap Ahli Lembaga Pelajaran dan Tatatertib Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Encik Zafri Bin Mohd Miar kerana telah banyak memberi panduan dan nasihat dalam melaksanakan kertas kerja ini.

Turut berterima kasih kepada semua jawatankuasa KoSSCeM yang banyak memberi informasi, strategi dan nasihat dalam proses menyiapkan kertas kerja ini.

Ribuan terima kasih juga kepada keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang turut sama membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kertas kerja ini.

7. Rujukan

- [1] Laman web Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Senjata Rasmi Silat Cekak Malaysia, 15 November 2015, <http://www.silatcekak.org.my/index.php/senjata-rasmi>
- [2] Buku Suara Cekak, Edisi 2007, KDN 9130, Bilangan 1, Tahun 1975, muka surat 23, 24, 25 "Parang Lading"
- [3] Temu bual dengan Encik Mohd Shaari Bin Ariffin, 5 September 2014
- [4] Mykedah.Com, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, "Salasilah Kesultanan Kedah" 7 April 2016, http://www.mykedah2.com/10heritage/103_11.html#
- [5] Halimah Haji Ahmad, Hanafi Haji Ahmad dan Silat Cekak, UM (1977/78)
- [6] Temu bual dengan Yang Mulia Datuk Haji Maideen Bin Kadir Shah, September 2014

BIOGRAFI PENGARANG



NAMA : Sazali Bin Samsudin
PEKERJAAN : Meniaga
MAJIKAN : SCM Engineering & Services
ALAMAT : No. 6, Jalan Dataran 1, Taman Kempas, 81200 Johor Bahru

BIOGRAFI RINGKAS:

Menyertai PSSCM dalam Majlis Ijazah Asas pada 15 Disember 1992 di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UiAM), Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur. Tamat belajar pada 18 Oktober 1995 di UIAM, Petaling Jaya. Dijazahkan oleh Yang Mulia Guru Utama Tuan Haji Ishak Bin Itam. Mengambil Ujian Sijil Rendah pada tahun 1997 di Keramat Permai dan kemudian menerima Sijil Rendah dalam Majlis Konvokasyen PSSCM Politeknik Shah Alam pada 20 Disember 1997. Mengambil Ujian Sijil Menengah pada 24 Julai 2011 di Rumah Persatuan Jalan Kent dan menerima Anugerah Sijil Menengah dalam Majlis Konvokasyen di UniKL BMI Gombak pada 22 Oktober 2011. Dilantik sebagai Pembantu Jurulatih di PSSCM Cawangan Johor Darul Ta'zim (PSSCM-CJDT) pada tahun 1999. Dipilih berkhidmat sebagai Yang DiPertua PSSCM-CJDT secara rasmi semenjak tahun 2009. Menerima Anugerah Pingat Berjasa PSSCM pada tahun 2007 di Perlis. Menerima Anugerah Parang Lading pada 7 Disember 2010 (1 Muharram 1432H). Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada 1994 hingga 1997.



NAMA : Mohd Irhan bin Ishak
PEKERJAAN : Peniaga
SYARIKAT : Kuasa Perkasa Enterprise
ALAMAT : No 68, Lorong TJI/2 Taman Jengka Indah, 26400 Bandar Jengka, Pahang Darul Makmur

BIOGRAFI RINGKAS:

Menyertai PSSCM dalam Majlis Ijazah Asas pada tahun 1997 sewaktu di Pusat Matrikulasi UUM dan tamat pada 1998 di Universiti Utara Malaysia. Mengambil Ujian Sijil Rendah pada tahun 2000 di Rumah Cawangan Kedah dan menerima Sijil Rendah dalam Majlis Konvokesyen di USM pada tahun 2001. Berpindah ke kelas latihan UiTM Pahang pada tahun 2003 seterusnya Dianugerahkan Sijil Menengah Guru Utama pada tahun 2011. Dilantik sebagai tenaga pengajar pada 1999. Dilantik sebagai penyelia Kelas Latihan PSSCM UiTM Pahang pada tahun 2004 dan kemudian dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa PSSCM Cawangan Pahang.



NAMA : Mohamad Taufiq bin A Aziz
PEKERJAAN : Guru
MAJIKAN : Sekolah Menengah Kebangsaan Bekenu
ALAMAT : Jalan Pantai Sungai, 98150 Bekenu, Miri, Sarawak.

BIOGRAFI RINGKAS:

Menyertai PSSCM dalam Majlis Ijazah Asas pada bulan Jun 2003 dan tamat pada tahun 2005. Mengambil Ujian Sijil Rendah pada 2005 dan mendapat Sijil Rendah pada 2005 semasa Majlis Konvokesyen PSSCM di UIA Gombak. Dilantik menjadi tenaga pengajar pada tahun 2005. Dilantik sebagai Naib Yang DiPertua PSSCM UiTM Pahang bagi sesi 2005/2006. Yang DiPertua PSSCM UiTM Shah Alam bagi sesi 2008/2009. Dilantik sebagai AJK ICT PSSCM Cawangan Johor (PSSCM-CJDT) pada 2010 hingga 2014. Bertugas sebagai webmaster PSSCM-CJDT dari tahun 2010. Diploma Sains Komputer di UiTM Pahang pada 2003-2007. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Kepujian di UiTM Shah Alam pada 2007-2009. Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (Teknologi Maklumat) di UTM Skudai pada 2012-2013.



NAMA : Muhammad Awis Adha Bin Jasri
PEKERJAAN : Education Assistant/Admission
MAJIKAN : Legoland Malaysia Resort
ALAMAT : No. 7, Jalan Permata 11, Taman Permata, 86000, Kluang, Johor.

BIOGRAFI RINGKAS:

Menyertai PSSCM pada tahun 2009 di UUM dan tamat pada tahun 2012. Menduduki Ujian Sijil Rendah pada tahun 2011 dan dilantik menjadi tenaga pengajar pada tahun 2011 di UUM. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia pada tahun 2013.